



Abdul Latiff Abu Bakar



Pembangunan Sosiobudaya dan Warisan Menuju Melakaku Maju Jaya

DATUK Seri Utama Sulaiman Md Ali dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka yang ke-12 pada 9 Mac lalu. Dalam merancang pembangunan Melaka, beliau mempunyai visi dan gagasan ke arah “Melakaku Maju Jaya” bagi membina sebuah negeri yang menuju kejayaan dan kecemerlangan.

Di samping pembangunan ekonomi bagi memantapkan Melaka sebagai negeri yang berdaya maju, beliau terus mempertahankan dan berusaha menjadikan Melaka sebagai negeri yang membangun demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Melaka.

Beliau meneruskan gagasan pembangunan Melaka yang seimbang, seiring dengan pembangunan ekonomi, sosiobudaya, dan warisan di Melaka. Bagi mencapai usaha murni tersebut, beliau melaksanakan dan memartabatkan warisan sosiobudaya berteraskan sejarah Melaka yang kaya dengan amalan adat dan warisan


Melayu serta warisan kaum yang berbilang bangsa.

Selaras dengan pengiktirafan Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2008, kepimpinan beliau meneruskan dan memantapkan agensi di bawah kerajaan negeri terutama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Peranan PERZIM pula ditingkatkan melalui penubuhan Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA) yang kini dikenali sebagai Institut Warisan Melaka (INSWA) dan Institut Kajian Sejarah dan

Patriotisme Malaysia (IKSEP) yang kini dikenali sebagai Institut Tun Perak.

Kepimpinan kerajaan Melaka sekarang meneruskan usaha kepimpinan di bawah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam semasa beliau menjadi Ketua Menteri dari tahun 1999 hingga tahun 2013. Institusi ini diteruskan tetapi telah ditukarkan dengan nama yang baharu. Namun begitu, gagasan yang dibawa tetap sama – bagi membangunkan Melaka sebagai negeri maju yang menyeimbangkan pembangunan ekonomi dan sosiobudaya demi kesejahteraan rakyat Melaka. Begitu juga peranan yang dimainkan oleh agensi kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Melaka, Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka, dan Perpustakaan Negara melalui Perpustakaan Negeri Melaka (PERPUSTAM) dalam usaha mendukung aspirasi murni ini.

Kerajaan tempatan seperti Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) memainkan peranan



yang penting dalam memantau dan merencanakan warisan Melaka. Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka pula memajukan dan menjaga keindahan serta kebersihan sungai dan pantai, di samping membangunkan dan mempromosikan sungai dan pantai sebagai destinasi pelancongan dan pusat perdagangan. Taraf dan fungsi perbadanan ini adalah untuk menjaga warisan negeri Melaka berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan (2005).

Kerajaan Melaka telah menyusun dan merencanakan pembangunan sosiobudaya dan warisan negeri Melaka sejak kepimpinan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sebagai Ketua Menteri Melaka dari tahun 1982 hingga tahun 1994. Dengan mencetuskan slogan “Semuanya Bermula di Melaka”, beliau mewujudkan pelbagai muzium bagi menarik perhatian pelancong untuk mengunjungi Melaka.

Kepimpinan Melaka di bawah Datuk Seri Wira Mohd Zin Abdul Ghani (1994–1997) pula telah memperkenalkan slogan “Melaka Bandar Raya Bersejarah, Negeri Berbudaya”. Beliau turut memperkenalkan Pesta Gendang Nusantara dan Pertemuan Selat Melaka dan kemudian usaha ini diteruskan oleh Ketua Menteri yang berikutnya, Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Era Baharu Pembangunan Melaka

Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik telah memulakan era pembangunan

seimbang, antara ekonomi dengan sosiobudaya dan warisan. Usaha ini berterusan hingga sekarang.

Bagi merencanakan pembangunan seimbang ini, Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali telah mencipta kejayaan dan merencanakan pembangunan Melaka dengan menyusun pelbagai strategi bagi menjayakan usaha yang murni ini. Keterbukaan yang diamalkan oleh barisan kepimpinan membolehkan sokongan dan kerjasama diperoleh daripada semua pihak, terutama golongan intelektual dan pakar bagi membangunkan Melaka. Sesiapa sahaja yang menawarkan diri dan boleh membantu untuk membangunkan Melaka akan diterima dengan dada terbuka.

Beberapa orang tokoh ilmuwan turut dikenal pasti mampu membangunkan Melaka. Antaranya ialah Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff Hashim yang memimpin Kolej Universiti Islam Melaka serta menyertai beberapa kumpulan ahli lembaga pengarah yang berkaitan dengan pembangunan sosiobudaya dan warisan, seperti IKSEP dan PERZIM. Malah, beliau merupakan antara individu yang menjadi tempat perundingan bagi membangunkan Melaka. Begitu juga dengan tokoh ilmuwan yang lain seperti Profesor Datuk Dr. Mizan Hitam dari Institut Teknologi MARA Melaka dan Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose dari Majlis Profesor Negara.

Bagi merencanakan pembangunan Melaka, menjadi tanggungjawab semua pemimpin negeri ini terutama

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) membantu kepimpinan dan pemerintah Melaka bagi melahirkan modal insan yang bermutu dan penuh tanggungjawab demi bangsa, agama dan tanah air.

Dalam usaha mencapai matlamat yang murni ini juga, kita sebagai rakyat bertanggungjawab untuk menjalankan kegiatan demi kesejahteraan masyarakat Malaysia berlandaskan sejarah, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, di samping menghormati institusi diraja dan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara, agama Islam sebagai agama persekutuan, dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, serta menghormati hak setiap kaum yang berbilang bangsa.

Cabaran dan Harapan

Menjadi cabaran buat Datuk Seri Sulaiman untuk memartabatkan warisan peradaban Melayu yang sebenar-benarnya khususnya di Melaka, seperti menamakan semula Bukit Melaka daripada Bukit St. Paul; memartabatkan bahasa Melayu dalam tulisan Rumi dan Jawi untuk diaplikasikan dalam urusan rasmi; serta menyedarkan rakyat tentang pentingnya nilai bersatu padu dalam mewujudkan perpaduan kebangsaan.

Sebagai anak jati di negara ini, bersama-samalah kita berusaha untuk membangunkan sosiobudaya serta memelihara setiap keindahan yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Berjuang dan terus berjuang untuk kemajuan bersama-sama.